

KEMAHIRAN EMPLOYABILITY DALAM KALANGAN PELAJAR
KOLEJ VOKASIONAL KLUANG JOHOR

AHMAD LUTHFI BIN KANDAR

Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Batu Pahat, Johor

DISEMBER 2014

ABSTRAK

Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) sejak 2013 merupakan usaha merekayasa (*reengineering*) sistem pendidikan vokasional sedia ada sehingga terbina sistem pendidikan vokasional baharu yang dapat menyumbang kepada agenda transformasi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Aspek-aspek yang dicakupi dalam KSKV adalah meliputi kemahiran akademik, kemahiran mengurus diri dan kemahiran berpasukan. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kedudukan mengikut pangkatan elemen-elemen kemahiran *employability*, tahap kemahiran *employability* dan perbezaan persepsi terhadap elemen kemahiran *employability* di kalangan pelajar-pelajar kolej vokasional daripada bidang-bidang Teknologi Kejuruteraan Awam, Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan untuk mengkaji kemahiran *employability* dalam kalangan pelajar kolej vokasional. Kajian yang digunakan adalah kaedah tinjauan secara kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik berskala Likert. Sampel kajian merupakan pelajar tahun 3 Kolej Vokasional Kluang iaitu seramai 90 responden. Data-data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah skor min, sisihan piawai dan anova satu hala. Hasil dapatan menunjukkan skor min elemen belajar pada tahap tinggi dan pada pangkatan min yang pertama. Dapatan kajian diharap akan dapat dijadikan panduan untuk memperbaiki pelaksanaan kemahiran *employability* secara khusus dan proses pengajaran dan pembelajaran di kolej vokasional dalam modul akademik dan modul vokasional.

ABSTRACT

Vocational Education Transformation Programme (VETP) has been implemented since 2013 which is as an important aspect aimed at reengineering Malaysia vocational education. The modification in the programme would support the national economic transformation agenda in churning out skilled and trained manpower. Well-trained manpower throughout the comprehensive vocational training will be equipped with overall skills of academic, self-management and team work. Therefore, this study has been conducted to analyse elements of employability skills, skills level and differences of perception towards employability skill elements among students of Civil engineering Technology, Mechanical Engineering Technology and Electric and Electronic Engineering Technology. Thus, a quantitative survey using Likert scale questionnaire instrument has been utilized throughout this study. Subsequently, 90 respondents from Kolej Vokasional Kluang were taken as the samples of the study. In fact, mean score, standard deviation and ANOVA Test have been used for statistical measurement in this study. As a result, mean score has shown that study skill is at the highest level and also hit the first mean score. In conclusion, the analysis of the samples taken are expected to be used as a guide to improve the implementation of employability skills in particular and the process of teaching and learning in vocational colleges pertaining academic and vocational modules.

KANDUNGAN

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Skop Kajian	7
1.8 Kerangka Konsep Kajian	7
1.9 Definisi Operasional Kajian	8
1.10 Rumusan	8



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN TUN AMINAH

BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	10
2.2	Kolej Vokasional	11
	2.2.1 Konsep Kolej Vokasional	11
2.3	Kemahiran <i>Employability</i>	14
2.4	Kesediaan kerjaya untuk pelajar	15
2.5	Teori dan Model Kajian	18
	2.5.1 Model Essential Skill and Workplace of Canada	19
	2.5.2 Model Human Resource Development (HRD) Practice Mc Lagan	20
	2.5.3 Kemahiran <i>Employability</i> di Australia	21
2.6	Elemen -elemen dalam Kemahiran <i>employability</i>	21
2.8	Kajian Lepas	21
2.9	Rumusan	27
BAB 3	METADOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	28
3.2	Rekabentuk Kajian	29
3.3	Populasi dan sampel	29
3.4	Instrumen Kajian	31
3.5	Kesahan Instrumen	32
	3.5.1 Kebolehpercayaan instrumen	33
	3.5.2 Kajian rintis	33
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	34
3.7	Kaedah Penganalisis Data	35
3.8	Kerangka Operasi Kajian	36
3.9	Rumusan	39

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	40
4.2	Dapatan kajian	40
4.2.1	Demografi Responden	41
4.2.2	Persoalan kajian pertama	42
4.2.3	Persoalan kajian kedua	50
4.2.4	Persoalan kajian ketiga	53
4.3	Rumusan	55
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	56
5.2	Perbincangan	56
5.2.1	Mengenal pasti elemen-elemen kemahiran employability berdasarkan pangkatan skor min dalam kalangan pelajar kolej vokasional.	57
5.2.2	Mengenalpasti tahap kemahiran <i>employability</i> dalam kalangan pelajar kolej vokasional.	58
5.2.3	Mengenalpasti perbezaan persepsi pelajar kolej vokasional terhadap elemen kemahiran employability berdasarkan kepada berbeza bidang pengkhususan	59
5.3	Kesimpulan dapatan kajian	60
5.4	Cadangan	61
5.4.1	Cadangan Kepada Kolej Vokasional, KPM	62
5.4.2	Cadangan Kepada Kajian Lanjutan	62
5.5	Rumusan	63
	RUJUKAN	64
	LAMPIRAN	68

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian	8
Rajah 2.1 : Model Kerangka Teori	24
Rajah 3.1 : Kerangka Operasi Kajian	38



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1: Ringkasan Konsep Kurikulum Kolej Vokasional	15
Jadual 2.2 :Perbandingan rangka kerja kemahiran employability berdasarkan empat buah negara	20
Jadual 3.1 : Populasi Kajian Mengikut Bidang	30
Jadual 3.2 : Skala <i>Likert</i>	31
Jadual 3.3 : Item- Item indikator elemen kemahiran employability	32
Jadual 3.4: Interpretasi skor Alpha Cronbach,	33
Jadual 3.5 : Skor Alpha Cronbach Kajian Rintis	34
Jadual 3.6: Interpretasi Julat Min	35
Jadual 3.7 : Kaedah Penganalisis Data	36
Jadual 4.1 : Taburan Demografi Responden	41
Jadual 4.2 : Taburan Mengikut Bidang Pengkhususan	41
Jadual 4.3 : Skor Min Mengikut Elemen Kemahiran <i>Employability</i>	42
Jadual 4.4 : Skor Min Mengikut Elemen Berfikir	43
Jadual 4.5 : Skor Min Mengikut Elemen Komunikasi	44
Jadual 4.6 : Skor Min Mengikut Elemen Belajar	45
Jadual 4.7 : Skor Min Mengikut Elemen Sikap dan Tingkahlaku	46
Jadual 4.8 : Skor Min Mengikut Elemen Tanggungjawab	47
Jadual 4.9 : Skor Min Mengikut Elemen Teknologi	47
Jadual 4.10 : Skor Min Mengikut Elemen Bekerja Dengan Orang Lain	48
Jadual 4.11 : Skor Min Mengikut Elemen Penyesuaian	49
Jadual 4.12 : Skor Min Elemen Kemahiran Employability Mengikut Bidang	50
Jadual 4.13: Keputusan Analisis ANOVA sehalu	53

SENARAI LAMPIRAN

A	Kesahan Instrumen Kajian : Pengesahan Pakar	70
B	Borang Soal Selidik	79
C	Kebolehpercayaan instrumen kajian : Keputusan Kajian Rintis	85
D	Analisis dapatan kajian : Skor min dan sisihan pawai	88
E	Analisis dapatan kajian : Ujian Anova	92
F	Carta Gantt	95
G	Surat Pemohonan membuat Kajian	98
H	Surat Pengesahan membuat Kajian	101
I	Surat Pengesahan Sumber Kemahiran <i>Employability</i> Kolej Vokasional	105
J	Kenyataan kebenaran penggunaan instrument soal selidik	108



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUN TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi yang berteraskan ekonomi berpendapatan tinggi adalah untuk melahirkan modal insan yang berkeupayaan untuk berinovasi dan meneroka bidang-bidang baharu dalam usaha menjana kekayaan Negara. Pertumbuhan ekonomi nasional ini telah menuntut peningkatan bilangan graduan dalam bidang teknikal dan vokasional.

Kerajaan melalui Bajet 2013 telah memperuntukkan sejumlah dana yang besar untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan negara khususnya bagi memenuhi hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Nasional (2013 – 2025) ataupun PPPM. PPPM telah menggariskan keperluan transformasi pendidikan melalui Gelombang pertama yang akan dilaksanakan dari tahun 2013 hingga 2015. Gelombang pertama ini merupakan fasa di mana sistem perlu dirombak untuk memberi sokongan kepada guru dan memberi fokus kepada kemahiran utama. Dalam hal ini, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tiga perkara iaitu meningkatkan enrolmen dalam pendidikan vokasional, merombak kurikulum pendidikan vokasional supaya relevan dengan keperluan industri dan meningkatkan kolaborasi dengan pihak industri. Dalam memenuhi aspirasi ini, usaha memperkukuhkan jalinan kerjasama dengan pihak industri sedang dipergiatkan agar lebih responsif dan menepati keperluan serta perkembangan ekonomi negara.

Peranan yang dinamik dari pihak industri menjadi faktor penting untuk melahirkan tenaga kerja yang kompetitif dan berdaya saing untuk melahirkan sekurang-kurangnya 3.3 juta pekerja mahir dalam tempoh 10 tahun akan datang. Langkah yang proaktif telah diambil oleh Kementerian Pelajaran sejak tahun 2009 lagi untuk memastikan pendidikan teknikal dan vokasional di negara ini setaraf dengan negara maju dan negara serantau. Kadar purata enrolmen pelajar aliran teknikal dan vokasional di peringkat menengah atas hanya 10% di Malaysia berbanding 44% bagi negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD).

Pada masa kini, bidang kemahiran menjadi semakin penting bagi memenuhi peluang pekerjaan. Dengan itu, setiap institusi pendidikan seharusnya menerapkan nilai nilai kemahiran *employability* di kalangan para pelajar bagi memastikan mereka bersedia untuk kerja atau alam pekerjaan. Perubahan terhadap perkembangan kepada kesediaan kerjaya telah mempengaruhi permintaan dan tuntutan ke atas kemahiran dalam pelbagai bidang. Mohamed Rashid dan Mohd Rashahidi (2005) pula mendapati bahawa aspek kandungan kursus dalam hubungan kemahiran dan kerelevanan kandungan kursus berhubung kemahiran dikatakan agak rendah, iaitu kandungan kursus yang dilalui kurang menerapkan kemahiran seperti yang dikehendaki dalam alam kerjaya

Justeru, bidang pendidikan yang dianggap tunjang dalam penghasilan tenaga kerja perlu diberi perhatian. Salah satu cabang pendidikan utama Malaysia ialah pendidikan teknik dan vokasional. Yahaya Buntat (2004) berpendapat antara kemahiran bukan teknikal yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam memenuhi kehendak majikan ialah kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja secara kumpulan, kemahiran berfikir kreatif dan kritis, kemahiran mentafsir dan menilai, kemahiran penyelesaian masalah, bertanggungjawab terhadap tindakan yang diambil dan kemahiran mengaplikasikan teori. Pool & Sewel (2007) pula mengariskan beberapa kemahiran yang diperlukan oleh individu antaranya adalah kreatif, boleh bekerja dalam kumpulan, kemahiran berkomunikasi yang baik, pandai mengurus masa, kebolehan menggunakan teknologi baru, kebolehan kepimpinan dan kebolehan bekerja di bawah tekanan. Oleh itu, kemahiran *employability* adalah penting untuk dikuasai oleh seseorang individu untuk lebih trampil dalam persediaan kerjaya.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kewujudan kolej vokasional sebagai penerus aliran Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) mulai 2012 adalah sebagai kesinambungan sistem PTV yang bermula tahun 1964. Keperluan-keperluan baru muncul sejajar dari perubahan dari era ekonomi perindustrian kepada era ekonomi berasaskan maklumat. Kebanyakan majikan masa kini memerlukan pelajar yang bakal menjadi pekerja yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal tetapi juga memerlukan kemahiran *employability* untuk meningkatkan produktiviti dan berdaya saing. Pelajar yang mempunyai kemahiran *employability* tersebut akan dapat menyesuaikan diri dengan semua jenis pekerjaan dan bersifat serba boleh. Menurut Hasliza (2002), antara faktor lulusan institusi pendidikan tidak mendapat tempat di pasaran pekerjaan adalah kerana mereka tidak mempunyai kemahiran-kemahiran *soft skill* atau kemahiran *employability*. Bakal majikan kurang yakin terhadap lulusan institusi berkenaan terutama pada aspek keperibadian, penampilan, keyakinan diri, kurang kemahiran berkomunikasi, kemampuan membuat keputusan terbatas dan tidak mampu bekerja dalam kumpulan.

Zaman *k-ekonomi* memerlukan seorang pekerja mahir dalam semua aspek termasuk penguasaan kemahiran *employability* untuk menghadapi cabaran globalisasi maka pihak pendidikan teknik dan vokasional memberi penekanan dalam hal ini supaya produknya lebih berkualiti dan mampu memenuhi keperluan industri negara. Sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam menerapkan kemahiran *employability*. Kurikulum pembelajaran yang berkesan haruslah disusun supaya kemahiran-kemahiran bukan teknikal dapat diterapkan secara tidak langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Yaacob, 2000). Isi kandungan kurikulum juga perlu diberi perhatian dalam merekabentuk kurikulum supaya kemahiran *employability* dapat diterapkan secara langsung dan relevan dengan kehendak pasaran kerja (Smith & Katz, 2005). Selain itu, kurikulum yang digunapakai juga haruslah lebih dinamik dan mengikut perkembangan teknologi seiring proses globalisasi dan menerapkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh industri dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Maka penerapan kemahiran *employability* pelajar kolej vokasional dilakukan oleh tenaga pengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam menghasilkan pelajar yang berkualiti.

Oleh itu, sistem pendidikan teknik dan vokasional memainkan peranan sebaik mungkin bagi menyediakan sistem pendidikan yang dapat memenuhi tuntutan tenaga kerja yang berkemahiran dan profesional (Hamzah, Bakar & Kazilan, 2006). Secara amnya bagi membolehkan seorang itu berupaya menghadapi cabaran dunia pekerjaan, pelajar seharusnya memiliki pelbagai kemahiran. Kemahiran yang perlu dimiliki oleh pelajar haruslah selar antara kemahiran teknikal dengan kemahiran bukan teknikal. Sehubungan dengan itu, institusi pendidikan teknik dan vokasional memainkan peranan yang sangat penting dalam menerapkan kemahiran employability kepada pelajarnya bagi memenuhi keperluan. Smith & Kazt, (2005) menyatakan penerapan kemahiran employability dalam proses pengajaran dan pembelajaran memberi persediaan awal kepada pelajar sebelum memasuki alam pekerjaan. Justeru, institusi pendidikan dan tenaga pengajar memainkan peranan dalam menerapkan kemahiran *employability* dikalangan pelajar agar tenaga mahir yang dihasilkan adalah seimbang, berkualiti dan memenuhi keperluan industri (Abdullah, 2007).

1.3 Penyataan Masalah

Transformasi pendidikan vokasional merupakan usaha merekayasa (*reengineering*) sistem pendidikan vokasional sedia ada sehingga terbina sistem pendidikan vokasional baharu yang dapat menyumbang kepada agenda transformasi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Kurikulum program latihan di kolej vokasional dilengkapi dengan kandungan yang menyentuh bukan sahaja aspek-aspek kemahiran teknikal malah mengambil kira elemen kemahiran *employability* supaya bakal-bakal tenaga mahir yang dilahirkan nanti mempunyai asas kemahiran yang kukuh dan berketrampilan dalam bidang kerjaya yang akan diceburi.

Kemahiran *Employability* julung kali diperkenalkan sebagai kurikulum formal Kementerian Pendidikan di Kolej Vokasional. Terminologi Kemahiran *Employability* digunakan secara meluas di kebanyakan negara merupakan kemahiran asas yang diperlukan dalam abad ke 21. Kemahiran *Employability* dianggap penting kerana pekerjaan pada hari ini memerlukan pekerja yang fleksibel, berinisiatif dan berkebolehan untuk menyelesaikan tugas yang berbeza. Pekerja bukan lagi hanya melakukan kerja yang tertentu sahaja seperti dahulu tetapi mereka

secara umumnya boleh membuat penyesuaian kepada kemahiran berorientasikan perkhidmatan, bermaklumat dan juga mempunyai kemahiran sosial yang kepentingannya semakin meningkat. Kemahiran *Employability* adalah merujuk kepada kemahiran atau kualiti individu yang diperlukan oleh para majikan industri terhadap pekerja baru apabila mereka mula bekerja di sektor industri tersebut. Majikan menganggap bahawa Kemahiran *Employability* adalah satu aspek kompetensi pekerjaan yang harus diketahui dan dimiliki oleh setiap pekerja baru untuk membolehkan mereka menjadi seorang pekerja yang benar-benar terampil dan berkeupayaan tinggi dalam dunia pekerjaan sebenar yang mereka terokai.

Di peringkat pelaksanaan kurikulum Kemahiran *Employability* melalui modul pembelajaran yang disediakan, para pengajar perlu mempunyai kemahiran pedagogi yang khusus untuk menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil pembelajaran perlu menepati objektif diharapkan, melalui eviden atau bukti pencapaian hasil pembelajaran yang dinilai. Setelah melalui proses pembelajaran dalam tempoh yang ditentukan, para pelajar seharusnya mempunyai persepsi yang betul dalam memahami dan menghayati kurikulum Kemahiran *Employability* menepati objektif pembelajaran dikehendaki. Berdasarkan pernyataan tersebut adalah jelas peranan kolej vokasional adalah untuk menghasilkan tenaga kerja mahir dan usahawan yang mempunyai ciri-ciri sanggup berdaya saing, berkeupayaan dan berkemahiran yang diiktiraf oleh industri, berwatak professional dan diterima oleh pasaran kerja. Oleh yang demikian pelajar kolej vokasional seharusnya didedahkan melalui latihan formal kepada elemen-elemen kemahiran *employability* berpandukan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV). Aspek-aspek yang dicakupi dalam KSKV adalah meliputi kemahiran akademik, kemahiran mengurus diri dan kemahiran berpasukan. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kedudukan mengikut pangkatan elemen-elemen kemahiran *employability*, tahap kemahiran *employability* dan perbezaan persepsi terhadap elemen kemahiran *employability* di kalangan pelajar-pelajar kolej vokasional daripada bidang-bidang Teknologi Kejuruteraan Awam, Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Melalui analisis terhadap sampel yang diambil diharap akan dapat dijadikan panduan untuk memperbaiki pelaksanaan kemahiran *employability* secara khusus dan proses pengajaran dan pembelajaran di kolej vokasional dalam modul akademik dan modul vokasional.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat persepsi pelajar terhadap elemen-elemen kemahiran *employability* yang diterapkan dalam pembelajaran.

Untuk mencapai tujuan kajian tersebut, objektif kajian seperti di bawah telah dibina :

- i. Mengenal pasti elemen-elemen kemahiran *employability* berdasarkan pangkatan skor min dalam kalangan pelajar kolej vokasional.
- ii. Mengenalpasti tahap kemahiran *employability* dalam kalangan pelajar kolej vokasional.
- iii. Mengenalpasti perbezaan persepsi pelajar kolej vokasional terhadap elemen kemahiran *employability* berdasarkan kepada berbeza bidang pengkhususan.

1.5 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang harus dirungkaikan dalam kajian ini untuk mencapai objektif-objektif yang telah dirangka sebagai matlamat utama. Antara persoalan yang harus dilaksanakan seperti berikut :

- i. Apakah elemen kemahiran *employability* berdasarkan pangkatan skor min dalam kalangan pelajar kolej vokasional ?
- ii. Apakah tahap kemahiran *employability* pelajar kolej vokasional ?
- iii. Adakah terdapat perbezaan tanggapan elemen kemahiran *employability* di kalangan pelajar kolej vokasional berbeza bidang ?

1.6 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini diadakan untuk menentukan tahap kemahiran *employability* pelajar terhadap elemen-elemen yang diterapkan dalam pembelajaran.

i. Kolej Vokasional

Kajian ini dapat memberi idea dan gambaran kepada pihak kolej dalam merancang dari segi penerapan elemen-elemen kemahiran *employability* dalam kurikulum dan aktiviti dalam kalangan pelajar

ii. Pelajar

Memberi gambaran kepada pelajar tentang kepentingan kemahiran *employability* dalam memenuhi alam perkerjaan atau kerjaya. Memberi gambaran kepada pelajar bahawa kecemerlangan dalam bidang akademik sahaja tidak menjanjikan peluang pekerjaan setelah tamat pengajian. Mereka perlu mengimbangkan dengan kemahiran kemahiran bukan teknikal sebagai nilai tambahan dan juga membolehkan mereka bersaing dalam pasaran kerja yang kompetitif


1.7 Skop Kajian

i. Kajian ini adalah kepada pelajar Tahun 3 di Kolej Vokasional Kluang Johor. Antara pelajar mengikut bidang yang dikenalpasti sebagai responden ialah :

- a) Teknologi Kejuruteraan Awam
- b) Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
- c) Teknologi Kejuruteraan Mekanikal

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian



Berdasarkan kepada kerangka konsep pada Rajah 1.1 responden yang dikaji adalah mengikut bidang pengkhususan yang terdiri dari tiga bidang keutamaan di kolej vokasional iatu Teknologi Kejuruteraan Awam, Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan Teknologi Kejuruteraan Mekanikal. Dalam kajian terdapat lapan elemen *employability* yang dikaji iaitu elemen belajar, elemen komunikasi, elemen berfikir, elemen teknologi, elemen sikap dan tingkahlaku elemen, tanggungjawab elemen, bekerja dengan orang lain dan elemen penyesuaian. Elemen yang dikaji adalah untuk mendapat pandangan pelajar terhadap tahap kemahiran employability yang dipelajari dalam proese pembelajaran dan pengajaran.

1.9 Definisi Operasional Kajian

i. Kemahiran *Employability*

Dalam konteks kajian ini, kemahiran *employability* adalah merujuk kepada kemahiran bukan teknikal . (Buntat.Y, 2004) telah membuat satu ringkasan terhadap satu kumpulan kemahiran *employability* seperti berikut: Ketrampilan individu yang meliputi (kemahiran komunikasi, kemahiran berhubung, kemahiran komputer, dan kemahiran berbudaya).

ii. Kolej Vokasional

Kolej Vokasional ialah institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan dan latihan vokasional untuk murid lepasan menengah rendah atau pasca menengah pada usia 16 tahun dan telah menduduki Penilaian Menengah Rendah(PMR) atau yang akan menduduki Penilaian Tingkatan 3 (PT3) pada tahun 2014 bagi melaksanakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang menepati prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk membentuk modal insan berkemahiran tinggi, berilmu dan bersahsiah. (BPTV KPM, 2014)

1.10 Rumusan

Kesimpulannya, Bab 1 telah membincangkan mengenai hala tuju kajian ini. Bab ini telah dimulai dengan pendahuluan kajian. Selain itu juga turut membincangkan dengan lebih mendalam mengenai latar belakang masalah dan pernyataan masalah kajian ini. Kepentingan kajian, objektif kajian yang telah diperhalusi juga dinyatakan dalam bab ini. Bab ini juga turut membincangkan skop kajian, batasan kajian, andaian kajian, definisi konseptual, kerangka teorikal kajian yang dapat membantu penyelidik semasa melakukan kajian.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Malaysia masih dalam perjalanan ke arah pembentukan sebuah negara maju dan menunjukkan bahawa kesan pendidikan amat berkait rapat dengan pekerjaan. Semakin tinggi tahap pendidikan yang diperolehi, maka semakin tinggi jangkaan pekerjaan yang diharapkan. Sumbangan pendidikan ialah dalam melatih dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sumber manusia yang sedia ada. Sekiranya negara ingin menuju ke arah negara perindustrian yang berteknologi tinggi, maka sistem pendidikan yang dilaksanakan perlulah melahirkan masyarakat yang boleh mendokong penggunaan teknologi yang diperkenalkan itu (Mohd Yusof Kassim & Ishak Yusof 2002). Justeru, langkah untuk meningkatkan nisbah pelajar sains dan teknikal berbanding sains sosial telah dipertingkatkan lagi dalam tempoh RMK-9 (Malaysia 2006)

Dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia, di antara kemahiran employability yang dikenalpasti perlu dimiliki oleh pelajar adalah kemahiran berkomunikasi, kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran merancang dan mengelola aktiviti, kemahiran bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mengurus, memilih dan menganalisa maklumat, kemahiran menggunakan idea dan teknik matematik dan kemahiran memahami budaya.

Justeru, Pendidikan Asas Vokasional (PAV) diwujudkan pada peringkat menengah rendah (Tingkatan 1- 3) di sekolah menengah harian manakala di peringkat menengah atas pula, Kolej Vokasional (KV) diperkenalkan. Kolej Vokasional ialah institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan dan latihan vokasional untuk murid lepasan menengah rendah (Penilaian Tingkatan 3-PT3) bagi melaksanakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang menepati prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk membentuk modal insan berkemahiran tinggi, berilmu dan bersahsiah.

Objektif program KV adalah untuk melahirkan lepasan KV yang memiliki diploma atau sijil atau apa-apa kelayakan lain yang diiktiraf oleh Kerajaan dan badan-badan pensijilan kebangsaan atau antarabangsa; dan melahirkan lepasan KV yang dapat memenuhi keperluan pasaran kerja berkemahiran tinggi dan berupaya menjadi usahawan yang berdaya saing; dan mewujudkan laluan khas bagi lepasan KV melanjutkan pengajian peringkat tertiar di institusi pengajian tinggi. Dalam bab ini, pengkaji menyentuh tentang konsep dan pengertian employability berdasarkan pandangan dan kajian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu, *employability* dalam tuntutan industri, kemahiran-kemahiran *employability* yang digunakan dalam kajian ini dan kajian tentang tahap kemahiran *employability* pelajar-pelajar kolej vokasional terhadap kesediaan kerjaya.

2.2 Kolej Vokasional

Transformasi pendidikan vokasional merupakan usaha merekayasa kurikulum, institusi, pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran, tadbir urus dan sumber manusia sehingga terbina sistem pendidikan vokasional baharu yang berupaya berfungsi dengan cekap dan berkesan sebagai jentera pendidikan untuk kecemerlangan kerjaya modal insan sama ada sebagai pekerja mahir mahupun sebagai usahawan berdaya saing dan berwatak profesional. Menggembeleng sumber dalaman dan luaran untuk menyampaikan perkhidmatan pendidikan dan latihan vokasional yang berkualiti tinggi ke arah memenuhi keperluan individu pelajar, masyarakat moden, industri berasaskan pengetahuan dan negara yang sedang melonjak ke tahap negara maju berpendapatan tinggi. Menggerakkan sumber manusia yang berupaya menjadi modal insan yang berilmu, berkemahiran dan berkelayakan yang diiktiraf oleh industri serta tinggi keboleherjaannya. Mendorong tenaga profesional menghasilkan modal insan

yang menghayati budaya pembelajaran sepanjang hayat. Selain pendekatan merekayasa sistem dan komponennya yang sedia ada, inisiatif transformasi ini adalah untuk mencari pendekatan terbaharu dalam menangani cabaran dan perubahan seterusnya meneroka peluang dan merintis kolaborasi dengan memanfaatkan sumber dan kekuatan yang sedia ada.

Pada 9 Januari 2012, Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional telah dilancarkan oleh Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia. Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional ini merangkumi lima strategi utama, lima inisiatif serta 11 tindakan bagi meningkatkan kompetensi lulusan vokasional serta melonjakkan pendidikan vokasional agar setaraf dengan Negara maju. Lima inisiatif tersebut adalah: (1) transformasi kurikulum pendidikan vokasional, (2) transformasi institusi pendidikan vokasional, (3) kolaborasi dengan industri, (4) transformasi pentaksiran pendidikan vokasional, dan (5) transformasi organisasi pendidikan vokasional. Serentak dengan itu, sebanyak 15 sekolah menengah vokasional di setiap negeri dinaik taraf menjadi Kolej Vokasional berkuatkuasa tahun 2012. Melalui pelan transformasi tersebut, pendidikan vokasional di negara ini tidak lagi dianggap sebagai kelas kedua, sebaliknya ia menuju ke arah konsep pendidikan untuk semua dengan berasaskan program bercorak berbasis kompetensi dengan jalinan industri yang mantap sebagaimana yang dilaksanakan di negara-negara maju.

2.2.1 Konsep Kolej Vokasional

Konsep Kolej Vokasional ialah berdasarkan kepada kurikulum pendidikan khusus untuk pelajar yang mengikuti pendidikan dan latihan vokasional pasca menengah di Kolej Vokasional(KV). Kurikulum KV digubah mengikut standard kompetensi bekerja yang ditetapkan oleh organisasi standard pekerjaan dan aras pembelajarannya menepati keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia tahap 1 hingga tahap 4.

Pada dasarnya, kerangka konsep Kolej Vokasional mengandungi komponen seperti berikut:

Input

Kumpulan pelajar yang akan dilatih di Kolej Vokasional ialah pelajar lepasan Penilaian Tingkatan 3 (PT3) tahun 2015 dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun 2013, pemilihan pelajar dibuat berdasarkan minat dan kecenderungan pelajar terhadap bidang vokasional dan mencapai syarat minimum dalam bidang akademik.

Proses

Pelaksanaan KV melibatkan proses utama seperti berikut:

- Kurikulum dan Pentaksiran
- Kokurikulum – Persatuan dan Program Latihan Khidmat Negara
- On the Job Training (OJT) selepas Semester 8
- School Enterprise (SE) sebagai pendedahan kepada aspek keusahawan
- Employability Skills– untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran insaniah bagi kemajuan kerjaya
- Hubungan dengan pihak luar dan hubungan dengan industri – kerjasama dengan rakan strategik untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan KV dan membantu aktiviti OJT, SE dll
- Hubungan dengan komuniti – meningkatkan persekitaran yang kondusif bagi membantu pengalaman pelajar

Ciri utama Kurikulum KV:

- i) Orientasi pembelajaran berasaskan pekerjaan.
- ii) Kandungan pembelajaran berasaskan kompetensi bekerja, kompetensi keusahawanan dan kompetensi insaniah dengan nisbah dimensi teori-amali ialah 30:70.

- iii) Nisbah komponen akademik-vokasional ialah 30:70.
- iv) Terbina daripada empat elemen — ilmu, aplikasi, kreativiti dan inovasi.
- v) Merentasi tiga domain — jati diri (hearts-on), ketajaman minda (hearts-on) dan kecekapan (hands-on).
- vi) Program pengajian bermodular mengikut kluster yang memenuhi keperluan NKEA dan bernilai kelasan tinggi (high exchange value).

Struktur kurikulum KV mengandungi tiga modul — modul akademik, modul vokasional dan modul kompetensi.

- a) Modul akademik meliputi pengajian Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, bahasa-bahasa perniagaan antarabangsa lain, Sejarah Malaysia Matematik, Sains, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.
 - i) Penumpuan modul akademik pada tahap sijil adalah 30 peratus.
 - ii) Penumpuan modul akademik pada tahap diploma adalah 20 peratus.
- b) Modul vokasional dalam bentuk kluster program kemahiran vokasional.
 - i) Penumpuan modul vokasional pada tahap sijil adalah 70 peratus.
 - ii) Penumpuan modul vokasional pada tahap diploma ialah 80 peratus.
- c) Modul kompetensi kompetitif yang meliputi kompetensi keusahawanan kompetensi bekerja dan kompetensi insaniah. Unsur-unsur dalam modul ini diterapkan dalam setiap gerak kerja pembelajaran dan latihan mengikut kaedah kompetensi merentas kurikulum.

Outcome (3 outcome - hasil program Kolej Vokasional)

- a) 70 % bekerja di industri
- b) 20 % melanjutkan pendidikan dan latihan lanjutan
- c) 10 % menjadi usahawan

Jadual 2.1 Ringkasan Konsep Kurikulum Kolej Vokasional

KURIKULUM KOLEJ VOKASIONAL			
Komponen	Dimensi	Bidang	Mata Pelajaran
Jati Diri	Komunikasi	Akademik	1) Bahasa Melayu
	Patriotisme		2) Bahasa Inggeris
	Sahsiah		3) Bahasa perniagaan antarabangsa
Ilmu	Aplikasi	Vokasional	4) Sejarah
	Kreativiti		5) Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral
	Inovasi		6) Matematik
Kompetensi Kompetitif	Kompetensi Bekerja	Merentas kurikulum dan kokurikulum.	7) Sains
	Kompetensi Keusahawanan		8) Mata pelajaran dalam setiap program kemahiran vokasional.
	Kompetensi Insaniah		

Sumber (Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional ms 60)

2.3 Kemahiran *Employability*

Kemahiran *employability* adalah kemahiran bukan teknikal yang sering dikaitkan dengan sikap dan personaliti yang penting bagi seseorang graduan untuk mendapatkan kerja. Penerapan kemahiran *employability* adalah perlu oleh tenaga pengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk melahirkan tenaga mahir yang berkualiti dan diperlukan oleh majikan.

Kemahiran *employability* biasanya sering dikaitkan dengan gambaran personal, sikap, tabiat, tingkah laku, cara berkomunikasi, penyelesaian masalah dan kemahiran membuat keputusan serta kebolehan mengorganisasikan. Knight & Yorke (2003) mentakrifkan kemahiran *employability* sebagai satu set pencapaian, kefahaman dan sifat-sifat peribadi yang membuatkan individu supaya lebih mudah untuk mendapatkan pekerjaan dan berjaya dalam pekerjaan yang dipilih mereka.

Kemahiran *employability* didefinisikan sebagai seseorang yang berkebolehan untuk mendapatkan kemahiran untuk melakukan pelbagai pekerjaan dalam satu-satu masa, bukan sahaja mereka dapat melaksanakan tugas tersebut dengan pantas dan cepat tetapi mereka dapat melaksanakan tugas tanpa latihan yang lanjut (Cox & King, 2006). Manakala, Raybould & Sheedy (2005) , menyatakan kemahiran *employability* ini merujuk kepada peribadi tertentu individu yang diperoleh dan digunakan dalam profesion kerjaya mereka. Andrew & Russel (2011) menyatakan kemahiran *employability* adalah satu set yang berkaitan sikap, pengetahuan dan kemahiran yang perlu dimiliki bakal pekerja untuk memastikan mereka mempunyai keupayaan di tempat kerja.

Kemahiran *employability* sangat penting dikuasai oleh pelajar untuk persediaan ke alam pekerjaan. Menurut Cox & King (2006) pelajar patut mempersiapkan diri mereka dengan mempelbagaikan kemahiran yang ada pada diri mereka sama ada dari segi teknikal ataupun kemahiran *employability* yang boleh membantu mereka dalam kerjaya nanti.

2.4 Kesediaan kerjaya untuk pelajar

Kolej Vokasional merupakan salah satu institusi pendidikan formal di negara ini yang menghasilkan pelajar berpengetahuan dalam pelbagai bidang. Pelbagai kursus dan bidang yang ditawarkan secara tidak langsung membuka pelbagai peluang kerjaya yang bakal diceburi pelajar setelah tamat belajar kelak. Namun begitu, sebahagian besar pelajar kurang persediaan diri maka ramailah diantara pelajar ini yang terpaksa menunggu berbulan-bulan sebelum memperolehi apa-apa pekerjaan. Beberapa diantara mereka terpaksa pula mengikuti program latihan

semula yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia untuk latihan Bahasa Inggeris, kemahiran komputer, dan latihan industri.

Maklumat yang diterokai dari pengalaman-pengalaman pembelajaran dan seterusnya berkembang apabila seseorang itu memahami nilai-nilai sosial masyarakatnya. Justeru itu, pengetahuan kerjaya dalam bidang kejuruteraan dalam pelbagai industry seharusnya disampaikan dengan berkesan kerana kepentingannya yang nyata bagi memberi pengetahuan kepada pelajar seterusnya membantu masalah kesediaan kerjaya yang dihadapi oleh pelajar. Jelaslah bahawa permasalahan berkaitan kesediaan kerjaya oleh pelajar wajar dititik beratkan agar tidak menjadi isu yang lebih kronik dalam dunia pendidikan negara dan secara tidak langsung menjaga status kolej vokasional.

Tanggungjawab Kolej Vokasional adalah memberi pendidikan dan latihan kemahiran kepada para pelajar bersesuaian dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri. Cabaran yang besar adalah bagi memastikan pelajar yang telah dilatih bersedia untuk memasuki dan meneroka bidang pekerjaan selari dengan kemahiran yang dimiliki. Pendidikan Teknik dan Vokasional memainkan peranan yang penting dalam membangunkan modal insan ke arah Malaysia menuju status negara maju.

Kesediaan *employability* untuk kerjaya dilihat lebih kompleks disebabkan anjakan konsep yang pada mulanya berbentuk statik iaitu dengan memberi penekanan kepada beberapa elemen prakeperluan sahaja kepada kebolehan tertentu lebih dinamik, ini berlaku apabila perubahan dan penelitian berterusan dibuat. Satu contoh jelas adalah apabila OECD (The Organisation for Economic Co-operation and Development) mula menegaskan kepentingan pembelajaran sepanjang hayat untuk *employability* yang mapan. Di Canada melalui '*Blueprint for Life/Work Designs*' yang dibangunkan oleh National Life/Work Centre (Valerie G. Ward, Dorothy I. Riddle, and Denise Lloyd 2004) telah menyediakan kerangka pembangunan kerjaya dan *employability* yang bersifat pelbagai dimensi.

Kesediaan individu untuk memasuki dunia pekerjaan merupakan aspek penting menjadi asas pertimbangan kepada majikan untuk menawarkan sebarang jawatan. Kesediaan yang cukup daripada segi mental dan fizikal mampu mengelakkan bakal graduan daripada mengalami kejutan budaya apabila mula

memasuki alam pekerjaan, (Arsat & Rasid, 2010). Kesiediaan yang dimaksudkan di sini termasuklah kemahiran dalam melaksanakan aktiviti kerja, kesiediaan untuk menerima persekitaran pekerjaan, faktor keadaan fizikal dan keyakinan diri terhadap pekerjaan itu sendiri. Antara faktor yang sering mempengaruhi kesiediaan pelajar dalam menceburi bidang kerjaya adalah faktor minat, faktor pekerjaan, faktor ibubapa, faktor pengetahuan dan faktor sekolah atau institusi (Ahmad Zanzali & Rahmat 2010).

Para pelajar perlulah bersedia dan menunjukkan sikap positif terhadap pemilihan bidang kerjaya yang akan diceburi oleh mereka. Thorndike (1931) dalam Mok (2003) telah mengemukakan Hukum Kesiediaan yang dirumuskan secara ringkas seperti berikut:

- a) Apabila seseorang individu bersedia untuk melakukan sesuatu tindakan dan berjaya melakukannya, maka tindakan ini akan membawa kepuasan kepadanya.
- b) Apabila seseorang individu bersedia untuk melakukan sesuatu tindakan, tetapi tidak dapat melakukannya, maka individu itu akan merasa kecewa.
- c) Apabila seseorang individu belum bersedia untuk melakukan sesuatu, tetapi dipaksa melakukannya, tindakan paksaan itu pula menimbulkan perasaan dukacita.

Oleh itu jelaslah bahawa kesiediaan pelajar untuk menceburi sesuatu bidang kerjaya amat penting bagi membentuk pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran. Kesiediaan employability adalah menepati definisi “berkemampuan dengan sedikit atau tanpa bantuan luar untuk; mencari, mendapat dan mengekalkan pekerjaan yang sesuai serta mengurus pelbagai aspek keperluan apabila beralih ke pekerjaan yang baru” (Ward and Riddle , 2003). Dari segi dimensi *employability* Model Kesiediaan Pekerjaan menekankan jangkaan apabila individu bersedia untuk memenuhi lima elemen berikut:

- a) Membuat keputusan mengenai kerjaya, atau mengetahui jenis kerja yang sesuai untuk dirinya
- b) Peningkatan kemahiran, atau mempunyai kemahiran yang perlu berkaitan dengan kerja yang dikehendaki
- c) Pencarian kerja, atau mempunyai kemahiran untuk mencari kerja

- d) Menyenggara kerja, atau mempunyai kemahiran untuk mengekalkan pekerjaan yang disandang
- e) Pengurusan kerja berterusan, atau berkebolehan untuk mengurus perubahan kerjaya.

Berasaskan “*employment ready*” model ERS (The Employment Readiness Scale) telah dibangunkan untuk mengukur kesediaan seseorang bagi menjawat atau ditempatkan ke sesuatu bidang pekerjaan (Valerie G. Ward, Dorothy I. Riddle, and Denise Lloyd 2004). Kesediaan untuk kerjaya dapat menerangkan sama ada seseorang individu tersebut telah bersedia atau tidak untuk menceburi bidang kerjaya pilihan. Kesediaan Kerjaya boleh digunakan untuk menjelaskan tahap Kematangan Kerjaya dimana dapat membantu dalam menjelaskan berkenaan perancangan kerjaya, penerokaan kerjaya, kemampuan membuat keputusan dan dunia maklumat pekerjaan. Oleh itu, boleh dianggap seseorang individu yang bersedia untuk menempuh alam pekerjaan telah melengkapkan proses penerokaan dan perancangan kerjaya serta telah membuat keputusan berkenaan kerjaya mereka. Tinjauan kajian bertujuan untuk mengukur tahap Kesediaan Kerjaya serta mengenalpasti tahap kemahiran *employability* pelajar-pelajar kolej vokasional, dan tahap kesediaan untuk kerjaya pelajar.

2.5 Teori dan Model Kajian

Terdapat beberapa negara yang menitikberatkan kemahiran *employability* seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada dan Australia. Elemen-elemen yang ditekankan adalah lebih kurang sama cuma istilah yang digunakan berbeza namun begitu tidak begitu ketara. Secara amnya kemahiran *employability* boleh dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu kemahiran asas akademik, kemahiran berfikir dan kualiti peribadi. Jadual di bawah menunjukkan rumusan daripada lima rangka kerja kemahiran *employability* mengikut tafsiran beberapa negara oleh SCANS (2001), Conference Board of Canada (2002), Bates dan Phelan (2002) - Jobs for American Graduates (JAG), NCVET (2004) dan ANTA (2003).

Jadual 2.2 Perbandingan rangka kerja kemahiran *employability* berdasarkan empat buah negara

Elemen Kemahiran <i>Employability</i>	Australia (Mayer Key Competencies)	United Kingdom (Key Skills)	Kanada (The Conference Board of Canada)	Amerika Syarikat (SCANS)
Kemahiran Asas	✓	✓	✓	✓
Kemahiran Berfikir	✓	✓	✓	✓
Kualiti Personal			✓	✓
Kemahiran Sumber				✓
Kemahiran Informasi	✓		✓	✓
Kemahiran Interpersonal		✓	✓	✓
Kemahiran Sistem				✓
Kemahiran Teknologi	✓	✓	✓	✓

2.5.1 Model Essential Skill and Workplace of Canada

Dengan kesedaran pentingnya tenaga kerja yang memenuhi kehendak industri, pihak kerajaan Canada telah mengadakan pertemuan terbuka kepada lebih 4000 ribu orang yang kebanyakannya adalah pekerja di pelbagai sektor (The Conference Board of Canada, 1996). Hasil pertemuan terbuka tersebut penting untuk dipraktikkan. Sehubungan dengan itu, pelancaran Essential Skill and Workplace pada 2003 adalah untuk membantu pekerja memahami dan membuat penambahbaikan pada tahap kemahiran yang diperlukan oleh industri atau pihak majikan. Di dalam Essential Skill and Workplace terdapat sembilan elemen kemahiran *employability* yang dianggap penting oleh pihak industri atau majikan. Kemahiran tersebut ialah kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran matematik, kemahiran berkomunikasi, kemahiran berbincang, kemahiran bekerja kumpulan, kemahiran komputer, kemahiran mengurus diri dan kemahiran pembelajaran berterusan.

2.5.2 Model Human Resource Development (HRD) Practice Mc Lagan

Model Mc Lagan ini mengutarakan empat aspek utama ketrampilan diri yang diperlukan oleh tempat kerja iaitu :

i. Ketrampilan Teknikal

Memahami pembelajaran dewasa, memahami teori-teori dan teknik-teknik pembangunan kerjaya, kemahiran mengenalpasti, kemahiran komputer, kemahiran sistem elektronik, kemahiran memilih media, kemahiran menyediakan matlamat, kemahiran memahami teori dan teknik latihan dan pembangunan dan juga kemahiran menyelidik.

ii. Ketrampilan Perniagaan

Kemahiran pengurusan sumber dan kewangan, memahami dunia perniagaan, memahami tingkah laku organisasi dan juga memahami teknik dan teori pembangunan organisasi.

iii. Ketrampilan Interpersonal

Kemahiran memimpin, kemahiran maklum balas, kemahiran dalam kumpulan, kemahiran berbincang, kemahiran membuat perbentangan, kemahiran menyoal, kemahiran membina hubungan dan kemahiran menulis.

iv. Ketrampilan Intelektual

Kemahiran menghuraikan data, kemahiran pencarian maklumat dan kemahiran membuat jangkaan. (Sumber daripada Swanson, R. A.(2001)

2.5.3 Kemahiran *Employability* di Australia

Australia merupakan sebuah negara yang pesat membangun dalam bidang ekonomi dan pembangunan. Oleh yang demikian, kerajaan telah melaksanakan strategi untuk menyokong pembangunan ekonomi melalui sokongan sumber tenaga manusia. Antara strategi yang dilaksanakan adalah pemantapan kemahiran *employability* dalam kalangan pekerja serta penerapan dalam sistem pendidikan negara. Menurut Matthew (2004), penerapan kemahiran *employability* meliputi aspek kurikulum dalam sistem pendidikan dan pencapaian prestasi seorang graduan. Berpandukan kepada Graduate Skills Assessment Project, pusat pendidikan Australia adalah berkonsepkan kemahiran *employability* yang meliputi kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran interpersonal (Commonwealth of Australia , 2002).

2.6 Elemen -elemen dalam Kemahiran *employability*

Walaupun bagaimanapun, penyelidik lebih memfokuskan kepada kompetensi yang berdasarkan kepada lapan jenis elemen komunikasi, elemen berfikir, elemen belajar, elemen sikap dan tingkahlaku, elemen bertanggungjawab, elemen penyesuaian, elemen bekerja berkumpulan dan elemen teknologi. Menurut kemahiran *employability* yang digunakan di Australia sebagaimana surat pengesahan dari pihak BPTV KPM rujuk Lampiran I (muka surat 105)

2.8 Kajian Lepas

Kajian yang dibuat oleh Yahya Buntat (2004) telah mendapati beberapa kemahiran *employability* penting yang dipersetujui oleh majikan industri dan perlu diberi perhatian telah digambarkan dalam satu model kajian. Model tersebut mengandungi tiga aspek kemahiran *employability*. Pola taburan elemen kemahiran *employability* yang dikaji dapat dirumuskan seperti berikut:

- (i) Kemahiran Akademik; dimana bagi kemahiran ini elemen kemahiran *employability* yang harus diutamakan adalah:
 - a) Kemahiran penyelesaian masalah
 - (b) Kemahiran berfikir secara kritikal
 - (c) Kemahiran komunikasi
 - (d) Matematik
- (ii) Kemahiran Mengurus Diri; dimana elemen kemahiran *employability* yang harus diberikan perhatian adalah meliputi:
 - (a) Kemahiran bertanggungjawab
 - (b) Kemahiran bersikap positif
 - (c) Kemahiran membuat penyesuaian

(iii) Kemahiran Berpasukan; di mana dalam kemahiran ini, elemen kemahiran *employability* meliputi:

- (a) Kemahiran bekerja dengan orang lain
- (b) Kemahiran melibatkan diri dalam sesuatu projek

Lankard (1990, pula melalui kajian tinjauan beliau mengenalpasti kategori bagi kemahiran *employability* berasaskan kompetensi modul-modul latihan adalah seperti berikut:

- (i) Mempamerkan imej positif: mematuhi peraturan dalam latihan-latihan, mempraktikkan tabiat penjagaan kesihatan, cara berpakaian yang baik semasa kerja dan menunjukkan keyakinan diri.
- (ii) Menonjolkan tingkah laku kerja yang positif; menggunakan asas kemahiran sosial, kreatif dan mempunyai azam untuk belajar, membawa maruah dalam kerja.
- (iii) Mengamalkan tabiat kerja yang baik; kerap hadir, mematuhi amalan keselamatan dan berhati-hati semasa kerja.
- (iv) Mengamalkan sikap beretika; mengamalkan integriti dan membuat keputusan yang baik, menghormati aset, mematuhi peraturan syarikat.
- (v) Berkomunikasi secara efektif ; dapat mempamerkan kemahiran bertutur, menulis dan komunikasi lisan, mempamerkan tabiat mendengar yang baik.
- (vi) Menerima tanggungjawab ; menggunakan inisiatif, menggunakan teknik-teknik penyelesaian masalah, mengurus tanggungjawab personal.

Kemahiran *employability* juga dianggap sangat penting, kerana ciri-ciri dan sifat pekerjaan memerlukan individu memiliki daya inisiatif, fleksibel dan kemampuan bekerja untuk menangani tugas-tugas yang sering berubah (. Ini bererti bahawa kemahiran yang dimiliki oleh seseorang pekerja itu tidak semestinya khas, tetapi seharusnya lebih berorientasi kepada perkhidmatan dan yang lebih penting lagi memiliki kemahiran sosial yang tinggi.

The Conference Board of Canada (2000) pula mendapati bahawa kemahiran tenaga kerja memerlukan beberapa kemahiran tertentu untuk mereka lebih bersedia sebelum mereka memasuki dunia pekerjaan. Dalam profil rangka kerjanya mereka telah menegaskan bahawa para majikan hari ini ingin melihat para pekerja mereka mempunyai tiga aspek kemahiran *employability* iaitu:

- a) kemahiran akademik,
- b) kemahiran mengurus diri, dan
- c) kemahiran berpasukan

Teori Modal Manusia (Human Capital Theory) yang dikemukakan oleh Schultz (1963) menekankan bahawa peningkatan pelajaran dan juga peluasan buruh yang lebih produktif di kalangan pelajar merupakan suatu pelaburan bagi manusia. Teori ini juga menekankan bahawa perlu pengetahuan dan kemahiran di kalangan pekerja bagi melahirkan para pekerja yang berkualiti dan seterusnya mendapat ganjaran yang setimpal apabila mereka bekerja kelak. Para pelajar yang berkemahiran *employability* disamping berkemahiran teknikal akan lebih trampil dalam dunia pekerjaan. Becker (1964) pula menjelaskan bahawa pendidikan dan juga latihan dapat meningkatkan produktiviti pekerja melalui penyampaian pengetahuan dan kemahiran yang berguna, dan dengan demikian ia akan meningkatkan pendapatan masa depan pekerja dan seterusnya menambahkan pendapatan kehidupan mereka. Ia menghubungkan Teori Modal Manusia dengan konsep Analisis Belanja dan Faedah (cost-benefit analyses) dalam menyediakan asas pelaburan manusia untuk menentukan gaji pekerja dan produktiviti syarikat. Pekerja yang berkemahiran *employability* akan lebih berkualiti dan berketrampilan. Hal ini penting untuk membolehkan mereka mendapat upah atau gaji yang tinggi dalam bidang pekerjaannya.

Dalam kajian ini penyelidik ingin melihat dari sudut pengintegrasian dan kepentingan elemen kemahiran *employability* di kalangan tenaga pengajar dan juga pihak majikan industri. Selain dari itu penyelidik juga ingin mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh tenaga pengajar institusi latihan vokasional dalam mengintegrasikan elemen kemahiran *employability* dan ciri-ciri kualiti terbaik bagi

RUJUKAN

- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai:
- Abdullah, N. H. (2007). *Pengurusan kemahiran insaniah dalam membangunkan modal insan melalui aktiviti kokurikulum di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ahmad Tajuddin Jab, 2013 *Buletin BPTV KPM*
- Ahmad Zanzali, N. A. & Rahmat, N. (2010). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Perguruan Di Kalangan PelajarPelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.
- Andrew, G. & Russel, M. (2011). *Employability skills development: strategy, evaluation and impact* . Dicapai pada Mei 2,2014, dari <http://www.emeraldinsight.com>
- Arsat, M. & Rasid, N. A. , (2003). *Faktor kesedian Pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dala Pembentukan Kerjaya*. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia
- Baba, A. (1999). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Buntat, Y. (2004). *Intergrasi kemahiran “employability” dalam program pendidikan vokasional pertanian dan industri di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Cox, S. & King, D. (2006). *Skill sets: an approach to embed employability in course design*. *Education and training*, 48(4), m.s 262-274. Di capai pada Mei 2,2014,dari <http://www.emeraldinsight.com/004Q-0912htm>.

De Leon, J. E. dan Borchers, R. E. (1998). "*High School Employment Trends and the Skills Graduates Need to Enter Texas Manufacturing Industries.*" *Journal of Vocational and Technical Education*. Vol. 15. N. 1. M.s. 1 – 18

Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (2006). *How to design and evaluate research in education with PowerWeb (6th ed.)*. New York, NY: McGraw-Hill.

Hambur, S., Rowe, K., & Luc, L. T. (2002). *Graduate skills assessment. Australian Council For Educational Research. Commonwealth Department of Education Science & Training.*

Hamzah, R., Bakar, A. R. & Kazilan, F. (2006). *Soft- skills di kalangan pengajar Pusat Latihan Teknik dan Vokasional di Malaysia. Prosiding 222 Seminar Kebangsaan Teknik Dan Vokasional*. Skudai: Penerbit UTM. ms. 39- 43.

Hardy, M. (2000). *From Vocational And Training To Work: Representations from Two Occupational Areas. Journal Of Vocational Education Research*, Vol. 25, ms 18-22

Hassan, H (2002). Ciri-ciri Kualiti Pelajar untuk Keperluan Pekerjaan Pada masa ini. *Seminar Antara Industri dan Institusi Pendidikan Awam*. UTM: Bangi

Hayward, G., & Fernandez, R. M. (2004). *From core skills to keyskills: fast forward or back to the future? Oxford Review of Education*, 30 (1), 117-45.

Knight, P. T. & Yorke, M. (2003). *The society for research into higher education: assessment, learning and employability*. England: McGraw Hill Educatio

Konting M.M , (2000). "*Kaedah Penyelidikan Pendidikan.*" Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lankard, B.A. (1990). *Employability—the fifth basic skills. Eric Digest No.104.*

- Mansor, A. T., & Tan, K. A. (2009a). *Predictors of Career Indecision Among Malaysian Undergraduate Students. European Journal of Social Sciences*, 8(2), 215–224.
- Mertens, D.M. (2005) *Research and Evaluation in Education and Psychology: Integrating Diversity with Quantitative, Qualitative and Mixed Methods. Thousand Oaks; London: SAGE*
- Mohamed Rashid Navi Bax dan Mohd Rashahidi Mohamood. (2005). *The year 2004 polytechnic convocation survey”. Proceedings of National Seminar The Development of Technology and Technical-Vocational Education and Training in an Era of Globalization: Trend and Issues. Kuala Lumpur.*
- Mohd Khawari, S. (2008). *Kemahiran Employability Dalam Kurikulum Bagi Memenuhi Kehendak Industri Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana.*
- Mohd Yusof Husain, Seri Bunian Mokhtar, Abdul Aziz Ahmad & Ramlee Mustapha (2010). *Importance of Employability Skills from Employer’s Perspective. Procedia Social and Behavioral Sciences*, 7(C), 430-438.
- Mohd, Y.K & Ishak, Y. (2012). *Tahap Kesiapan Kemahiran Generik Pelajar Tahun Akhir Yang Mengambil Mata Pelajaran Fizik (SPP, SPF, SPM, SPN) Di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai. Laporan Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.*
- Mok, S. S. (2003). *Psikologi Pendidikan untuk Kursus Diploma Pengurusan Semester 2. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. 43 – 4.*
- Montague, M., Morgan, T.H., & Warger, C. (2000). *Solve it! Strategy instruction to improve mathematical problem solving. Learning Disabilities Research & Practice*, 15 (2), 110-116
- Nurul Azyra Said (2005). *“Kemahiran Insaniah Di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik Malaysia.” Kolej Universiti Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.*
- Pool, L-D- & Sewell--P- (2007). *The Key to employability: developing a practical model of graduate employability. Education and Training* 49 (4), ms 277-289. Dicapai pada Februari 5, 2011, dari www.emeraldinsight.com

Siti Rahayah Ariffi n, Noriah Mohd Ishak, Abdul Ghafur Ahmad, Rodiah Idris, & Nur' Ashiqin Najmuddin. (2008a). *Communication, leadership, and teamwork skills as core competencies among higher education students. Proceeding ASAIHL International Conference, Bangkok, 149-158.*

Smith, B. P. & Katz, S. (2005). *Employability standards: teachers' perceptions of inclusion in family and consumer sciences secondary curriculum. Career and Technical Education Research, 30(3), ms. 189-211.*

Swanson, R. A. (2001). *Human resource development and its underlying theory. Human Resource Development International, 4(3), 299-312.*

Talib Othman, (2013) *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik* : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

The Conference Board of Canada (1996a). *Employability skills profile: The critical skills required of the Canadian workforce. The Corporate Council on Education, a program of the National Business and Education Center. Ottawa Ontario.*

The Conference Board of Canada (2000) *Employability Skills 2000+*. Ottawa Ontario.

Valerie G. Ward, Dorothy I. Riddle, and Denise Lloyd (2004) *Maximizing Employment Readiness*

Ward, V.G. and D.I. Riddle. "Measuring Employment Readiness." NATCON Papers 2003 Les actes du CONAT, 2003.

Wiersma, W. & Jurs, S. (2005) *Research Methods in Education. Pearson Education. ISBN: 0-205-40609-2*

Yaacob,H.F. (2000). *Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia: Cabaran Abad ke-21- 1st ed. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.*